

# 40 peratus anak tempatan jejak kaki ke UMS

PAPAR: Pelajar warga Malaysia yang dilahirkan di bumi Sabah kini mencecah sebanyak 40 peratus melangkahkan kaki ke menara gading sejak Universiti Malaysia Sabah ditubuhkan.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, pencapaian itu sungguh membanggakan kerana anak watan Sabah tidak ketinggalan untuk turut mencecahkan kaki ke takhta itu sedangkan taraf universiti di Sabah baru sahaja di tubuhkan,

"kita akan memastikan golongan pelajar di negeri ini akan terus mencipta nama dengan mengambil kesempatan untuk mempertingkatkan kelulusan bagi untuk menampung kebanyakan mahasiswa dan siswi memasuki pengajian tinggi di tanah tumpah darah mereka sendiri", katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis penyampaian hadiah dan sijil pelajar cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) bagi tahun 1996 dan 1997 kelmarin.

Majlis yang diadakan di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Majakir, Papar turut

disajikan dengan pameran kegiatan serta ko-kurikulum yang diungkayahkan oleh para pelajar sekolah tersebut.

Katanya, selain itu golongan pelajar yang bakal mewarisi generasi berilmu perlu mempunyai ketrampilan sebagai penyumbang kearah pembangunan negara pada masa akan datang.

Pada majlis itu, Rahim yang juga wakil rakyat kawasan Pantai Manis Papar turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada SMK Majakir kerana mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM pada tahun 1996 dan 1997.

Menurutnya pada tahun 1996 sekolah tersebut mencapai keputusan 99 peratus melalui SPM dan STPM, manakala 1997 sekolah itu mengalami kemerosotan sejumlah 95 peratus.

"Ini menunjukkan pencapaian yang dialami tahun 1997 sungguhpun merosot sedikit tetapi ianya masih dikategorikan sebagai sekolah yang baik berbanding pada 32 tahun lepas", katanya.

Beliau lalu meminta kepada semua warga pendidik di sekolah tersebut agar akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi, sebagai langkah untuk terus memper-



**TERTARIK...**pameran foto menarik hati Rahim sehingga beliau menundung telunjuk ke arah foto tersebut dengan diperhatikan oleh pengetua SMK Majakir, Pg.Matusin Haji Pg.Ahmad.

tingkatkan dan menambah baikkan lagi kecemerlangan peratusan pelajar dalam peperiksaan pada tahun-tahun akan datang.

Rahim yang juga timbalan ketua Umno bahagian Papar berkata, prestasi peratusan lulus ujian perlu dikekalkan dan den-

gan itu kalangan pendidik perlu komited dari segi mata pelajaran murid yang lemah.

Dalam majlis itu Rahim turut menyumbangkan dua set komputer untuk kegunaan pembelajaran juga sumbangan seumpamanya telah diberikan kepada Sekolah Kebangsaan Liangan. **AHY**